

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

**KAWASAN :** **KALABAKAN**

**TARIKH :** **16 MEI 2016, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan baru-baru ini satu perjanjian telah ditandatangani di Kuala Lumpur mengenai jalan Pan Borneo Highway. Bilakah projek ini akan dimulakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian yang dimaksudkan itu ialah merujuk kepada perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Rakan Pelaksana Projek atau PDP bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah. Perjanjian PDP itu telah ditandatangani pada 11 April 2016. Manakala pelancaran projek sepanjang 706km ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 April 2016 yang lalu di Papar, Sabah. Projek ini telah dibahagikan kepada 35 pakej dan akan ditender secara berperingkat-peringkat mulai tahun ini. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 itu dirancang akan siap keseluruhannya pada tahun 2021, iaitu mengambil tempoh masa selama 5 tahun 9 bulan.

Sekian. Terima kasih.